



LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
FARMERS ORGANIZATION AUTHORITY MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
MINISTRY OF AGRICULTURE AND AGRO-BASED INDUSTRY MALAYSIA
Menara LPP
No. 20 , Jalan Sultan Salahuddin
50480 KUALA LUMPUR
MALAYSIA
Atau Karung Berkunci 11005 , 50990 KUALA LUMPUR



Tel : 603-2610 9600
Faks : 603-2697 0987
Portal Rasmi : <http://www.lpp.gov.my>
E-mel : info@lpp.gov.my

SIARAN MEDIA

BANTUAN KEPADA 7 ORANG PESERTA PROGRAM REZEKI TANI DAN PENYAMPAIAN BANTUAN BENCANA BANJIR DAN KEMARAU DI NEGERI TERENGGANU

1. Pada hari ini, YB Datuk Seri Salahuddin Ayub, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani telah berbesar hati melawat projek penerima bantuan program Rezeki Tani sempena lawatan kerja beliau di negeri Terengganu.
2. Datuk Seri Salahuddin telah meluangkan masa melawat salah seorang peserta program Rezeki Tani yang mengusahakan tanaman sayuran fertigasi secara kecil-kecilan iaitu Encik Zuliadin bin Abdullah di Kampung Rusila, Marang, Terengganu. Pendapatan bulanan beliau adalah sekitar RM800 sebulan dan mempunyai tanggungan seramai 11 orang. Antara bantuan peralatan yang telah diterima menerusi program Rezeki Tani adalah benih tanaman, baja fertigasi, pam racun, pam air elektrik dan tangki air.
3. Program Rezeki Tani merupakan sebuah program di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) bertujuan membantu peserta keluar daripada kemiskinan dengan meningkatkan pendapatan melalui projek-projek ekonomi yang melibatkan aktiviti pengeluaran, pemprosesan, pengedaran, pemasaran berkaitan pertanian, penternakan dan perikanan di samping mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui latihan.
4. Seramai 1,000 orang peserta baharu disasarkan untuk menerima manfaat melalui pelaksanaan program ini bagi tempoh 2 tahun bermula dari tahun 2019 sehingga 2020 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM10 juta.
5. Pelaksanaan program dipertanggungjawabkan kepada tiga Jabatan dan tujuh Agensi di bawah Kementerian iaitu DOA, DOF, DVS, FAMA, MARDI, LPP, LPNM, LKIM, MADA dan KADA. Program ini hanya dilaksanakan di Semenanjung Malaysia sahaja.

LAHIR PELADANG PROGRESIF



PENGIKTIRAFAN ISO 9001 : 2008 NO SIJIL AR 3052

6. Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) telah membantu seramai 50 orang peserta untuk menerima bantuan program Rezeki Tani pada tahun 2019 di Semenanjung Malaysia dan seramai 7 orang peserta adalah dari negeri Terengganu.
7. Pada tahun ini, LPP akan meneruskan pemberian bantuan program Rezeki Tani di Semenanjung Malaysia dengan sasaran seramai 50 orang peserta.
8. Kumpulan sasar terdiri daripada golongan miskin serta isi rumah yang berpendapatan tidak melebihi RM2,614 atau pendapatan per kapita tidak melebihi RM650.
9. Keutamaan bantuan diberikan kepada calon peserta yang berpengalaman, berkemahiran dan sedang menjalankan aktiviti berkaitan pertanian, penternakan, perikanan, pemprosesan produk berasaskan pertanian dan perniagaan tani.
10. Projek-projek ekonomi yang dilaksana akan memberi tumpuan kepada jenis-jenis projek yang mengeluarkan hasil dalam tempoh yang pendek (Quick Win Projects) iaitu di antara tempoh 3 hingga 6 bulan pelaksanaannya. Ini bermaksud, projek yang dijalankan seharusnya berpotensi memberi pulangan positif kepada peserta. Selain itu, produk atau perkhidmatan yang ditawarkan haruslah bersifat mudah untuk dipasarkan, berdaya maju (viable), berdaya tahan (sustainable) serta mengikut kesesuaian persekitaran dan tempat.
11. Pada hari ini juga, Datuk Seri Salahuddin telah berbesar hati menyempurnakan Majlis Penyampaian Bantuan Bencana Ahli Peladang Negeri Terengganu yang berlangsung di Peladang Setiu Agro Resort, Setiu, Terengganu.
12. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menyalurkan sumbangan sebanyak RM92,235 melibatkan dua buah Pertubuhan Peladang Kawasan iaitu Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Terengganu dan Pertubuhan Peladang Kawasan Setiu.
13. Seramai 29 orang pesawah Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Terengganu mengalami kemarau melibatkan nilai kerosakan sebanyak RM41,184.
14. Manakala seramai 18 orang pesawah di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan Setiu turut mengalami bencana banjir melibatkan nilai kerosakan sebanyak RM51,051.

15. Penyampaian kit bantuan banjir yang telah disumbangkan oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) turut disampaikan dalam majlis. Penerima seramai 260 orang di bawah enam buah Pertubuhan Peladang Kawasan adalah merupakan ahli peladang yang terjejas oleh banjir di negeri Terengganu baru-baru ini.

#####

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

31 JANUARI 2020

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Encik Mohd Hanifa bin Awang Su

Pengarah Bahagian Hal Ehwal Korporat

Lembaga Pertubuhan Peladang

012-4390773